



# **KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **PTPTN LANCAR PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2022-2024**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) PTPTN 2022-2024 yang disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN di Menara PTPTN. Turut hadir adalah pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai oleh Tuan Mohd Syahrul Ridzuan bin Yahaya, Penolong Pesuruhjaya, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.
2. PTPTN sentiasa mengambil berat dalam menangani isu salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah serta menyemai amalan nilai-nilai murni dalam kalangan warganya. OACP PTPTN 2022-2024 yang dibangunkan ini merupakan dokumen dasar antirasuah utama di peringkat organisasi yang memaparkan kesungguhan dan bukti komitmen PTPTN dalam memberikan perkhidmatan yang telus dan berkualiti.
3. OACP PTPTN dilancarkan selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023 di bawah Strategi ke-2 iaitu Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dengan mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah di peringkat organisasi masing-masing. Dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan OACP PTPTN, satu visi telah ditetapkan iaitu Menjadi Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara Yang Berintegriti Dan Bebas Rasuah.
4. Menurut Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, "Sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), PTPTN sentiasa komited mendukung aspirasi kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang sentiasa bersih dan bebas dari gejala rasuah serta salah guna kuasa yang boleh menjejaskan imej organisasi. Alhamdulillah,

pada hari ini, PTPTN telah melakar sejarah yang sangat bermakna dengan kejayaan membangunkan OACP bagi tahun 2022 hingga 2024. Sesungguhnya, pelan ini telah dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira isu dan cabaran yang dihadapi oleh PTPTN.

5. “OACP PTPTN bakal menjadi panduan kepada seluruh warga PTPTN bagi mendukung aspirasi nasional dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah. Pelancaran pelan ini juga merupakan kesinambungan daripada pelancaran OACP KPT yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha KPT pada 1 Jun yang lalu,” ulas beliau lagi.

6. OACP PTPTN ini telah menggariskan tiga (3) bidang keutamaan dengan lima (5) objektif strategik dan 12 pelan tindakan secara keseluruhan. Setiap pelan tindakan yang ditetapkan telah mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerkasaan pencegahan rasuah.

7. Bagi menjayakan pelaksanaan OACP PTPTN, aspek pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP PTPTN bagi mengawasi prestasi pelaksanaannya sehingga tahun 2024. Usaha penambahbaikan dalam pengurusan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, penggunaan sistem teknologi secara menyeluruh, pemantauan dan pemantapan proses kerja akan terus diberi perhatian serius.

8. PTPTN berharap agar OACP yang dibangunkan bagi jangka masa tiga (3) tahun ini dapat dihayati dan dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja PTPTN. Ia sekali gus dapat meningkatkan lagi integriti, kecekapan dan seterusnya menambah kepercayaan serta keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh PTPTN.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**30 Jun 2022**